

Headline	'Usah boros belanja di Makkah'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	21	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	306 cm ²
Journalist	NORAWAZNI YUSOF	AdValue	RM 4,654
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,963



'Usah boros belanja di Makkah'

Sultan Selangor pesan jemaah haji agar tidak membazir kerana kualiti barangan sama produk tempatan

■ NORAWAZNI YUSOF

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan jemaah haji agar tidak berbelanja secara boros dan tanpa kawalan ketika berada di Makkah.

Baginda bertitah, jemaah haji perlu mengamalkan amalan berjimat cermat dan secara berhemah apabila berbelanja.

"Beta nasihatkan agar bakal haji dapat menumpukan sepenuh perhatian pada amal dan ibadat masing-masing serta tidak membeli-bela dengan berlebihan kerana kebanyakan barang yang dijual di sana mempunyai kualiti lebih kurang sama seperti dijual di negara kita," titahnya.

Sultan Sharafuddin bertitah demikian pada majlis penutupan kur-

sus perdana haji di masjid negeri di sini, semalam.

Baginda turut mengingatkan semua jemaah haji membuat persiapan sebelum berangkat ke tanah suci dan menjaga kesihatan fizikal dan mental dengan baik.

"Beta berharap agar kursus haji yang diberikan mampu membina kesabaran di kalangan jemaah haji dan memberi panduan berguna untuk mendapatkan haji mabrur," titahnya.

Dalam pada itu, baginda turut menasihatkan agar jemaah tidak berurusan dengan agensi haji yang meragukan status-

nya agar proses perjalanan pergi dan balik dalam keadaan selamat.

Baginda dalam masa sama berkenan menasihatkan agar semua jemaah haji dapat

menjaga akhlak dengan tertib, sabar dan mengikut peraturan yang dikeluarkan dari masa ke masa oleh pihak pengurusan Tabung Haji (TH) serta pihak berkuasa Arab Saudi.

Titahnya, sekiranya jemaah haji mengalami sakit atau demam, segera berjumpa doktor yang telah disediakan oleh TH.

Sultan Sharafuddin bertitah, pada masa kini Kota Makkah sedang dalam penambahbaikan dan pembinaan, justeru jemaah haji harus sentiasa berwaspada dan berhati-hati semasa berada di sana.

"Insya ALLAH, jika kita mengikut semua peraturan yang ditetapkan, tidak akan berlaku musibah, jangkitan wabak penyakit atau insiden yang boleh memudaratkan diri sendiri, orang lain dan tidak mencemarkan kesucian Islam,"

titahnya.

Majlis penutup itu turut dihadiri Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Mufti Selangor, Datuk Tarmyies Abd Wahid.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Tan Sri Isme'e Ismail, berkata lebih 3,600 orang bakal haji dari Selangor dipilih untuk musim kali ini.

Katanya, TH membelanjakan kos hampir RM3.6 juta untuk pengurusan kursus haji di seluruh negara, manakala jumlah tanggungan keseluruhan haji setiap tahun adalah melebihi RM130 juta.

"Ini tidak termasuk tanggungan TH bagi setiap seorang jemaah Haji Muassasah iaitu RM6,175 seorang bagi mengekalkan kos pergi haji setahun ini," katanya.

